Angka Giliran: ______________________

Angka Giliran: (dengan perkataan) ________________________________________

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

# JUL 401 – Bahasa Malaysia IV

Masa: 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Baca dan fahami arahan yang diberikan sebelum menjawab soalan. Bagi setiap soalan, tulis jawapan anda di ruang yang disediakan di dalam buku soalan ini.

Serahkan KESELURUHAN kertas peperiksaan ini kepada Ketua Pengawas di akhir sidang peperiksaan. Pelajar yang gagal berbuat demikian akan diambil tindakan disiplin.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

---

| | | Markah yang diperolehi |
|---|---|---|
| Soalan Bahagian A: | Karangan (70 markah) | ______________ |
| Soalan Bahagian B: | Membetulkan Ayat (30 markah) | ______________ |
| | Jumlah: | ______________ |
| | Gred: | ______________ |

**BAHAGIAN A: KARANGAN** (70 markah)

**Arahan:**

Tulislah sebuah karangan yang panjangnya 500-600 patah perkataan tentang <u>satu</u> daripada tajuk di bawah. (*Pemarkahan karangan yang anda tulis akan dibuat berdasarkan isi, organisasi, bahasa dan ejaannya serga gaya keseluruhannya*).

1. Matlamat utama Wawasan 2020 ialah membina sebuah negara maju tanpa mengabaikan nilai agama dan moral. Namun antara idealisme masa depan dengan realiti masa kini, terdapat jurang yang besar. Jika keadaan ini kekal hingga abad ke-21, maka hal ini merupakan titik awal keruntuhan masyarakat Malaysia dan berkecainya cita-cita untuk mencipta sebuah negara maju yang bermoral.
   Sejauh manakah kenyataan ini benar?

2. Pemantapan dan penyebaran bahasa Melayu sebenarnya amat dipengaruhi oleh sesuatu budaya dan sesebuah bangsa. Bincangkan.

3. Masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat majmuk ialah wujudnya kepentingan politik, ekonomi dan sosial yang berbeza-beza antara kaum-kaum yang membentuk entiti masyarakat tersebut. Sejauh manakah pada pendapat anda, masalah ini wujud di Malaysia?

4. Kecemerlangan akademik semata-mata belum tentu dapat melahirkan individu yang mampu menjadi pekerja yang berjaya dan dihormati. Bincangkan.

5. Alam terpelihara hidup sejahtera. Sejauh manakah kenyataan ini benar? Beri pendapat anda berdasarkan kepada fenomena, kebakaran hutan/jerebu atau tumpahan minyak.

**BAHAGIAN B: MEMBETULKAN AYAT** (30 markah)

**Arahan:**

Betulkan ayat-ayat yang berikut dari aspek penggunaan imbuhan, ejaan, kata dan penyusunan struktur ayat. Tulis semula ayat-ayat yang telah dibetulkan dalam ruangan yang disediakan.

1. Menyedari akan pentingnya penglibatan golongan belia untuk kemajuan negara masa depan, maka Majlis Belia Negeri Pulau Pinang telah menyetujui untuk menganjurkan kursus asas kaunseling kaedah melahirkan lebih ramai aktivitis belia di dalam bidang membimbing dan membantu remaja sebagai insan yang cemerlang.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

2. Berdasar kepada realiti kehidupan golongan Belia masa kini tidak dinafikan bahawa masalah sosial yang timbul perlulah diberi perhatian yang serius oleh kita.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

3. Walaupun ianya disedari bahawa penyelesaian kepada masalah remaja bukanlah satu usaha jangka pendek tetapi program ini adalah program yang berterusan untuk mereka adalah satu jalan yang paling tepat sehingga lahirnya satu generasi yang berketrampilan dan berwibawa membawa misi negara.

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

4. Teknologi maklumat berupa sesuatu yang boleh menjana, memberi maklumat serta pengetahuan pada seseorang.

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

5. Ramai peniaga juga tertipu akibat mempercayai akan maklumat yang palsu terdapat di dalam internet.

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

6. Parti-parti politik ada kalanya mengkiritik tentang dasar ekonomi dan pendidikan yang diamalkan oleh kita.

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

7. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa tujuan Minggu Bahasa diadakan ialah untuk memperkenalkan Pusat Bahasa dan Terjemahan dan kemudahan-kemudahan makmal yang ada juga.

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

8. Semua nutrien yang tidak terdapat di dalam spirulina tetapi badan kita perlukan telah ditambah menjadikan ianya satu makanan lengkap dan seimbang yang memenuhi keperluan harian anda yang dikeluarkan oleh W.H.O.

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

9. Liqua Spirulina mempunyai upaya untuk membuang segala toksin daripada dalam tubuh, dan ianya juga baik untuk pesakit Thalessiamia dan kepada yang mengamalkan diet.

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

_______________________________________________

10. Di dalam permasalahan berpakaian, Islam telah menentukan panduan di mana pakaian itu diharuskan untuk semua umat-umat manusia yang bertujuan untuk beribadat.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

11. Ini merupakan salah satu daripada punca bagaimana mana dan duit yang banyak duhalakan kepada perkara-perkara yang tidak direstui.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

12. Jika sekiranya dibandingkan buah kurma dan epal atau pisang, khasiat buah kurma jauh lebih baik setanding dengan kismis yang dibuat dari anggur.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

13. Siapa hari pertama dan keduanya adalah sama, mereka adalah golongan yang rugi dan siapa hari keduanya lebih buruk dari hari sebelumnya adalah dilaknat.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

14. Mendiang Puteri Diana amat terkenal di kalangan masyarakat di seluruh dunia oleh sebab dia banyak terlibat di dalam kerja-kerja amal di negara Dunia Ketiga.

15. Jika pelajar hanya menumpu perhatian kepada prestasi akademik semata-mata, mereka akan gagal memenuhi matlamat sebenar Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang.

- oooOooo -